



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. **Nama Jawatan** : **PEMBANTU PENGUAT KUASA KP1**
Klasifikasi : Keselamatan dan Pertahanan Awam
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Bilangan Kekosongan : **2**
Taraf Jawatan : **Kontrak**
Gred KP1 : **Jadual Gaji Minimum Maksimum**
: RM1,500.00 – RM4,680.00
Kadar Kenaikan Gaji : RM100.00
Tahunan

SYARAT LANTIKAN :

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,500.00); atau
ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred KP1 : RM1,500.00); atau
iii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan pada Gred KP1 : RM1,500.00); atau
iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,561.00); atau

- v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM1,622.00)

Dan

- (b) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi Wanita tanpa bersepatu;
 - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - iv. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web **<https://digital.perak.my> mulai 26.1.2026. Pemohon diingatkan untuk mengisi alamat email dan nombor telefon yang aktif dalam borang permohonan.**
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Ujian Bertulis/Temuduga.

4. Calon-calun yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil persekolahan/akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.
5. Sebarang urusan melibatkan teknikal Sistem Permohonan Jawatan Kosong melalui portal <https://digital.perak.my> hendaklah menghubungi Pasukan Help Desk Perak Digital melalui emel perakdigital.kperak@gmail.com (contoh : Lupa Kata Laluan)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Sebelum atau pada 8.2.2026 (AHAD)

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**